



**PELITUP MUKA:** Dr Ismuni (kedua kanan) dan Wong (kedua kiri) selepas penyampaian bantuan pelitup muka.

## Tiada sekatan rentas negeri masuk ke WP Labuan: Dr Ismuni

Oleh Henry Bating

**LABUAN:** Jabatan Kesihatan tidak mengenakan sebarang sekatan rentas antara negeri ke atas rakyat negara ini yang masuk ke Labuan tertakluk kepada rekod perjalanan dan saringan risiko yang dijalankan di pintu masuk udara dan laut di sini.

Pengarah Jabatan Kesihatan WP Labuan Dr Ismuni Bohari berkata, penduduk Labuan yang keluar dari pulau ini dan kemudian balik juga tidak dikenakan sebarang sekatan jika tidak menunjukkan sebarang gejala

jangkitan COVID-19.

“Namun, saringan dijalankan jika individu berkenaan datang dari Zon Merah atau Kuning dan tertakluk kepada panduan yang diberikan mereka diarah kuarantin dalam rumah,” katanya.

Dr Ismuni berkata demikian ketika kunjungan Presiden Dewan Perniagaan Cina Labuan Datuk Wong Kee Yii untuk menyampaikan bantuan pelitup muka kepada kalangan petugas kesihatan.

Dengan penjelasan itu, rakyat Sabah dan Labuan boleh melakukan perjalanan rentas wilayah di antara pulau ini

dan tanah besar Sabah tanpa kuarantin.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd. Shafie Apdalkelmarin mengumumkan pengecualian ujian COVID-19 kepada penjawat awam, pekerja sektor swasta, penduduk Labuan dan penduduk Sabah di sini untuk masuk ke Sabah.

Berkaitan risiko pengangkutan laut yang membawa muatan berlebihan serta gagal mematuhi penjarakan sosial, Dr Ismuni berkata pihaknya memaklumkan perkara itu kepada Jabatan Laut untuk mengambil tindakan.